



PENYELEWENGAN HADIS JIHAD KITAB AL-JIHAD WA AL-SIYAR SAHIH AL-BUKHARI: ANALISIS ULAMA HADIS

(Distortion of Jihād Ḥadīths in the Kitāb al-Jihād wa al-Siyar of Ṣaḥīḥ al-Bukhārī: An Analytical Study from the Perspective of Ḥadīth Scholars)

Noratikah Che Yusof¹, Zulhilmi Mohamed Nor², Mohd Hamidi Ismail³

^{1,2}Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, ³Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstract

This study addresses the issue of the distortion and misinterpretation of ḥadīths related to jihād, which are often manipulated by certain groups to serve extremist agendas. Such distortions not only compromise the public's understanding of the true concept of jihād in Islam but also tarnish the image of the religion itself. This research adopts a qualitative library-based methodology, referring primarily to Ṣaḥīḥ al-Bukhārī and authoritative commentaries such as Fath al-Bārī, alongside contemporary academic articles and extremist publications such as Dābiq magazine. The discussion explores the perspectives of ḥadīth scholars on the characteristics of distortion, analyzing both isnād (chain of transmission) and matn (text) dimensions. The findings reveal that distortion typically occurs when ḥadīths are interpreted literally without proper contextual understanding or reference to scholarly interpretations. Ḥadīth scholars have played a crucial role in filtering, verifying, and elucidating the true meaning of jihād, grounded in rigorous ḥadīth sciences. This study underscores the necessity of returning to authentic ḥadīth sources and adopting a comprehensive and nuanced understanding in order to prevent the misuse of the concept of jihād and to ensure that Islamic teachings are not misrepresented by any party.

Keywords: Jihād, ḥadīth distortion, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Fath al-Bārī, ḥadīth scholarship, isnād and matn analysis, extremism.

Article Progress

Received: 6 March 2025
Revised: 4 April 2025
Accepted: 10 May 2025

*Corresponding Author:
Zulhilmi Mohamed Nor.
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.

Email:
zulhilmi@usim.edu.my

PENDAHULUAN

Penyelewengan hadis mengenai jihad telah menjadi isu penting dalam dunia keilmuan Islam, khususnya dalam konteks penafsiran yang salah dan penyalahgunaan hadis oleh kelompok ekstremis. Hal ini menyebabkan pemahaman yang tidak tepat terhadap konsep jihad yang asal, yang akhirnya membawa kepada keganasan dan pengaruh negatif terhadap masyarakat. Kelompok ekstremis sering mengambil hadis-hadis tertentu di luar konteks asalnya, yang mengarah kepada tafsiran yang tidak sahih dan berbahaya. Penyelewengan seperti ini bukan hanya mengaburkan maksud sebenar ajaran Islam, tetapi juga merosakkan imej agama yang sebenar di mata dunia. Oleh itu, penting untuk kembali kepada sumber yang sahih dan mengkaji dengan teliti hadis-hadis tersebut agar tidak terperangkap dalam salah faham. Selain itu, faktor-faktor penyelewengan juga perlu diperhatikan, di mana pengaruh politik, pemahaman sempit, serta niat untuk memanipulasi agama demi tujuan tertentu sering menjadi punca utama. Pemahaman yang jelas dan sahih adalah penting agar umat Islam tidak terjebak dalam tafsiran yang sesat dan berbahaya.

Pentingnya pemahaman hadis yang betul, terutamanya oleh ulama hadis yang memiliki kelayakan dan autoriti dalam ilmu ini, tidak boleh dipandang ringan. Ulama hadis memainkan peranan utama dalam memastikan penafsiran yang tepat dan sahih terhadap setiap hadis, termasuk hadis-hadis yang berkaitan dengan jihad. Kitab Sahih al-Bukhari menjadi rujukan utama kerana ia mengandungi koleksi hadis yang

diakui keaslian dan kesahihannya.¹ Kitab ini, hasil kerja pengumpulan dan penyaringan yang teliti oleh al-Imam Bukhari, dianggap sebagai salah satu sumber hadis yang paling sahih dan menjadi rujukan utama dalam menilai kesahihan dan keabsahan mana-mana hadis. Oleh itu, kajian yang berlandaskan Sahih al-Bukhari dan tafsiran oleh ulama hadis yang berkelayakan adalah langkah penting dalam mengatasi penyelewengan dan memastikan pemahaman yang benar mengenai jihad. Kesahihan dan ketelitian dalam mengkaji sumber-sumber hadis ini amat penting bagi mencegah penyalahgunaan dan menegakkan ajaran Islam yang sebenar.

Penyelewengan terhadap hadis-hadis jihad semakin membimbangkan apabila ada pihak menafsirkan teks hadis secara literal tanpa memahami konteks dan kaedah ilmu hadis yang sahih. Tindakan ini telah menyumbang kepada penyebaran fahaman ekstremisme yang mencemarkan ajaran Islam, khususnya dalam isu jihad yang disalahertikan sebagai seruan kepada keganasan.² Dalam penerbitan seperti Dabiq, golongan ekstremis menggunakan hadis-hadis tertentu secara terpisah daripada pandangan ulama, lalu mempromosikan jihad bersenjata sebagai kewajipan mutlak tanpa mengambil kira kesahihan riwayat dan maksud sebenar matan. Keadaan ini bukan sahaja mengelirukan masyarakat awam, malah turut menjejaskan imej Islam di peringkat global.

Bagi menangani isu ini, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk penyelewengan hadis jihad yang terdapat dalam Kitab al-Jihad wa al-Siyar Sahih al-Bukhari, menilai pandangan ulama hadis terhadap penyelewengan tersebut, dan membandingkannya dengan fahaman ekstremis dalam sumber kontemporari. Kajian ini juga berhasrat untuk mengetengahkan pendekatan ulama dalam memastikan kefahaman yang sahih terhadap konsep jihad, sekali gus mengelakkan manipulasi agama untuk tujuan keganasan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berasaskan kajian kepustakaan yang memberi tumpuan kepada analisis teks dan sumber ilmiah berautoriti. Sumber primer kajian ini ialah Sahih al-Bukhari, khususnya dari Kitab al-Jihad wa al-Siyar, manakala sumber sekunder terdiri daripada kitab-kitab syarah hadis seperti Fath al-Bari oleh Ibn Hajar al-‘Asqalani, Umdat al-Qari oleh al-‘Ayni, serta beberapa karya ulama lain yang menghuraikan maksud sebenar jihad dalam Islam dan juga majalah Dabiq. Analisis ini juga melibatkan perbandingan antara penafsiran sahih dan bentuk-bentuk penyelewengan yang berlaku dalam wacana moden, bagi membina kefahaman yang tepat dan bertanggungjawab terhadap konsep jihad menurut Islam.

DAPATAN KAJIAN

Penyelewengan Hadis Jihad dalam Kitab al-Jihad wa al-Siyar Sahih al-Bukhari

Golongan pelampau telah menyalahgunakan beberapa hadis dalam Kitab al-Jihad wa al-Siyar Sahih al-Bukhari untuk mengesahkan tindakan keganasan dan kekerasan mereka atas nama jihad. Salah satu hadis yang digunakan ialah hadis seperti berikut:

¹ Wajidi S., Elmansyah, Zaenuddin H. P. & Ahmad Muaffaq. 2020. "Theology of Jihad based on the ḥadith: Ṣaḥīḥ Bukhārī's perspective". HTS Theologiese Studies/Theological Studies. Publisher AOSIS. Vol. 76. No. 4. November. p. 1.

² Syafawani M.H. & Wan Fariza W. Z. 2020. Ancaman Ideologi Keganasan: Faktor-Faktor Penglibatan Masyarakat Malaysia Dalam Kumpulan DAESH. Journal of Islamic and Humanities. Negeri Sembilan: Penerbit USIM. Vol. 23. No. 1. August. pp. 114-118.

عَنْ أَبِي مُوسَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: الرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِلْمَعْنَمِ، وَالرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِلدِّكْرِ، وَالرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِيُرَى مَكَائُهُ، فَمَنْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ؟ قَالَ ((مَنْ قَاتَلَ لِيَتَكُونَ كَلِمَةُ اللَّهِ هِيَ الْعُلْيَا فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ)).³

Terjemahan: Daripada Abu Musa r.a berkata: Datang seorang laki-laki kepada Nabi SAW lalu berkata: "Seseorang berperang untuk mendapatkan *ghanimah*, seseorang yang lain agar menjadi terkenal dan seseorang yang lain lagi untuk dilihat kedudukannya, manakah yang disebut *fii sabilillah*?" Maka Baginda bersabda: "Siapa yang berperang untuk meninggikan kalimat Allah dialah yang disebut *fii sabilillah*".

Hadis ini menjelaskan bahawa hanya mereka yang berperang dengan niat untuk meninggikan kalimah Allah SWT dianggap berjihad di jalan Allah SWT. Namun, golongan pelampau seperti ISIS telah menyalahgunakan hadis ini untuk mempromosikan perjuangan mereka yang bersifat kekerasan dan ekstremisme. Mereka mentafsirkan frasa "kalimah Allah SWT menjadi paling tinggi" secara literal dan politik, dengan menyamakan penubuhan Khilafah Islamiyah dan penaklukan wilayah dengan penegekan kalimah Allah.

Ia dikuatkan lagi dengan kata-kata, Abu Mus'ab az-Zarqawi bahawa jihad yang mereka serukan bukan demi tanah atau sempadan, tetapi demi meninggikan kalimah Allah. Beliau berkata:

"We do not perform jihad here for a fistful of dirt or an illusory border drawn up by Sykes and Picot. Similarly, we do not perform jihad for a Western Taghut to take the place of an Arab Taghut. Rather our jihad is loftier and more superior. We perform jihad so that Allah's word become supreme, and that the religion becomes completely for Allah".⁴

Kenyataan ini menunjukkan bagaimana mereka menggunakan retorik agama untuk menolak sebarang bentuk sempadan nasional atau sistem pemerintahan moden, dan menggantikannya dengan fahaman Khilafah versi mereka. Jihad yang digambarkan oleh pelampau ini bukan lagi satu usaha mempertahankan diri atau menentang kezaliman, tetapi sebagai satu agenda revolusi global yang didorong oleh tafsiran sempit terhadap nas-nas agama.

Retorik jihad yang dimanipulasi ini diperkuat lagi dengan ucapan penuh emosi oleh Abu Muhammad al-'Adnani. Dalam kenyataannya, beliau menyatakan:

"The time has come for the Ummah of Muhammad SAW to wake up from its sleep, remove the garments of dishonour, and shake off the dust of humiliation and disgrace. The sun of jihad has risen. The glad tidings of victory have appeared. Triumph looms on the horizon. The signs of good are apparent."⁵

Ucapannya bertujuan untuk menyuntik semangat dalam kalangan belia Islam agar menyertai perjuangan bersenjata. Kalimah-kalimah seperti "menggugurkan pakaian kehinaan", "matahari jihad telah terbit", dan "kemenangan semakin hampir" digunakan untuk membangkitkan emosi serta membina persepsi bahawa jihad bersenjata adalah satu-satunya jalan keluar dari kejatuhan umat Islam.

Selain itu, mereka turut menggunakan hadis-hadis lain untuk menguatkan hujah seruan jihad bersenjata sebagai kewajipan mutlak. Antaranya ialah hadis daripada Sahal bin Sa'ad al-Sa'idi r.a yang juga terdapat dalam Sahih Bukhari:

³ Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad. 2001. Kitāb al-Jihād wa Siyar. Bāb Mañ Qātala litakūna Kalimañu Āllahi Hī al-'Ulyā. p.20. #2810.

⁴ Abu Hamzah al-Muhajir. 2015. "Advice for The Leaders of The Islamic State". Dabiq. (7). February. p. 10.

⁵ n.a. 2014. "A New Era Has Arrived of Might and Dignity dor The Muslims". Dabiq. (1). July. pp. 8-9.

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ التَّقَى هُوَ وَالْمُشْرِكُونَ فَاقْتَتَلُوا، فَلَمَّا مَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِلَى عَسْكَرِهِ، وَمَالَ الْآخَرُونَ إِلَى عَسْكَرِهِمْ، وَفِي أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ رَجُلٌ لَا يَدْعُ لَهُمْ شَاذَةً وَلَا فَاذَةً إِلَّا اتَّبَعَهَا يَضْرِبُهَا بِسَيْفِهِ، فَقَالَ مَا أَجْزَأُ مِنَّا الْيَوْمَ أَحَدٌ كَمَا أَجْزَأُ فُلَانٌ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((أَمَّا إِنَّهُ مِنْ أَهْلِ النَّارِ)). فَقَالَ رَجُلٌ مِنَ الْقَوْمِ: أَنَا صَاحِبُهُ. قَالَ فَخَرَجَ مَعَهُ كُلَّمَا وَقَفَ وَقَفَ مَعَهُ، وَإِذَا أَسْرَعَ أَسْرَعَ مَعَهُ قَالَ فَخَرَجَ الرَّجُلُ جُرْحًا شَدِيدًا، فَاسْتَعْجَلَ الْمَوْتَ، فَوَضَعَ نَصْلَ سَيْفِهِ بِالْأَرْضِ وَدُبَابُهُ بَيْنَ ثَدْيَيْهِ، ثُمَّ تَحَامَلَ عَلَى سَيْفِهِ، فَقَتَلَ نَفْسَهُ، فَخَرَجَ الرَّجُلُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فَقَالَ: أَشْهَدُ أَنَّكَ رَسُولُ اللَّهِ. قَالَ: ((وَمَا ذَاكَ)). قَالَ: الرَّجُلُ الَّذِي ذَكَرْتَ آتِنَا أَنَّهُ مِنْ أَهْلِ النَّارِ، فَأَعْظَمَ النَّاسُ ذَلِكَ. فَقُلْتُ أَنَا لَكُمْ بِهِ. فَخَرَجْتُ فِي طَلَبِهِ، ثُمَّ جُرِحَ جُرْحًا شَدِيدًا، فَاسْتَعْجَلَ الْمَوْتَ، فَوَضَعَ نَصْلَ سَيْفِهِ فِي الْأَرْضِ وَدُبَابُهُ بَيْنَ ثَدْيَيْهِ، ثُمَّ تَحَامَلَ عَلَيْهِ، فَقَتَلَ نَفْسَهُ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عِنْدَ ذَلِكَ ((إِنَّ الرَّجُلَ لَيَعْمَلُ عَمَلَ أَهْلِ الْجَنَّةِ فِيمَا يَبْذُو لِلنَّاسِ، وَهُوَ مِنْ أَهْلِ النَّارِ، وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَعْمَلُ عَمَلَ أَهْلِ النَّارِ فِيمَا يَبْذُو لِلنَّاسِ، وَهُوَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ)).⁶

Terjemahan: Bahawa Rasulullah SAW dan orang-orang musyrik saling berhadapan dan mula berperang. Apabila Rasulullah SAW kembali ke perkhemahannya dan apabila orang-orang musyrik kembali ke perkhemahan mereka, seseorang bercakap tentang seorang lelaki di antara para sahabat Rasulullah SAW yang akan mengikut dan membunuh dengan pedangnya mana-mana orang kafir yang pergi sendirian. Dia berkata, “Tiada seorang pun yang melakukan tugasnya (iaitu berperang) dengan betul hari ini seperti lelaki itu”. Rasulullah SAW bersabda, “Sesungguhnya dia termasuk ahli neraka”. Seorang lelaki di antara orang ramai berkata, “Saya akan menemaninya (untuk melihat apa yang dia lakukan)” Maka dia menemaninya, dan ke mana sahaja dia berdiri, dia akan berdiri bersamanya, dan ke mana sahaja dia berlari, dia akan berlari bersamanya. Kemudian lelaki (berani) itu cedera parah dan dia memutuskan untuk membawa kematiannya dengan cepat. Dia menanam bilah pedang di tanah menghalakan hujung tajam ke arah dadanya di antara dua buah dadanya. Kemudian dia bersandar pada pedang dan membunuh dirinya sendiri. Lelaki yang lain datang kepada Rasulullah SAW dan berkata, “Saya bersaksi bahawa kamu adalah Rasul Allah SAW”. Nabi SAW bertanya, “Apa yang telah terjadi?” Dia menjawab, “(Tentang) orang yang kamu sifatkan sebagai ahli neraka. Orang-orang itu sangat terkejut dengan apa yang kamu katakan itu, lalu aku berkata, “Aku akan mengetahui hakikatnya bagi kamu”. Jadi, saya keluar mencari dia. Dia cedera parah, dan tergesa-gesa mati dengan menyerongkan bilah pedangnya ke tanah menghalakan hujungnya yang tajam ke arah dadanya di antara dua buah dadanya. Kemudian dia meredakan pedangnya dan membunuh dirinya sendiri”. Ketika Rasulullah SAW bersabda, “Seseorang itu di lihat oleh manusia seolah-olah dia beramal dengan amalan ahli syurga sedangkan dia dari ahli neraka) Neraka, orang lain seolah-olah bagi manusia seolah-olah dia beramal dengan amalan ahli neraka, padahal dia termasuk ahli syurga”.

Hadis ini digunakan oleh golongan pelampau untuk menunjukkan bahawa seseorang yang kelihatan berjuang di jalan Allah pun boleh menjadi ahli neraka, sekiranya tidak ikhlas. Mereka memutarakan makna ini dengan menganggap bahawa sesiapa yang tidak menyertai jihad (versi mereka) adalah munafik secara mutlak. Justeru, jihad bukan sahaja wajib malah menjadi garis pemisah antara mukmin sejati dan golongan munafik serta murtad.⁷

Naratif ini diangkat dalam propaganda mereka dalam meninggikan kalimah Allah SWT, termasuk bayangan penguasaan ke atas Makkah dan Madinah serta pengibaran bendera Khilafah sebagai lambang keadilan Islam. Dengan cara ini, jihad versi pelampau digambarkan bukan sahaja sebagai tuntutan

⁶ Al-Bukhārī. 2001. Op.cit. Bāb Lā Yaquḥu Fulāanuⁿ Shāhīduⁿ. p.37. #2898.

⁷ n.a. 2015. “Irja’ The Most Dangerous Bid’ah (And its Effect on The Jihad in Sham)”. Dabiq. (8). March. p. 51.

agama, malah sebagai jalan untuk mengembalikan 'keagungan' umat Islam walaupun melalui keganasan dan pertumpahan darah.⁸

Antara elemen paling berpengaruh dalam propaganda pelampau adalah seruan untuk meraih syahid melalui jihad bersenjata. Mereka menggunakan hadis-hadis berkaitan kelebihan mati syahid untuk membangkitkan semangat jihad dalam kalangan rekrut muda, khususnya yang mencari makna hidup atau merasa kecewa dengan realiti semasa.

Antara hadis yang menjadi rujukan ialah daripada Abu Hurairah r.a:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: ((يُصْحَكُ اللَّهُ إِلَى رَجُلَيْنِ يَفْتُلُ أَحَدُهُمَا الْآخَرَ يَدْخُلَانِ الْجَنَّةَ، يُقَاتِلُ هَذَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيُقْتَلُ، ثُمَّ يَتُوبُ اللَّهُ عَلَى الْقَاتِلِ فَيُسْتَشْهِدُ)).⁹

Terjemahan: Bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Allah menyambut 2 orang lelaki dengan senyuman; salah seorang membunuh yang lain dan kedua-duanya masuk syurga. Seorang berperang di jalan Allah dan terbunuh. Kemudian Allah mengampuni pembunuh yang juga mati syahid (di jalan Allah)”.

Hadis ini menggambarkan keutamaan jihad di sisi Allah, seolah-olah tiada ibadah lain yang dapat menandinginya. Namun, pelampau seperti ISIS menyalahgunakan keutamaan ini dengan menganggap setiap jihad bersenjata yang mereka lancarkan adalah jihad yang sebenar dan siapa yang mati dalamnya secara automatik menjadi syahid dalam setiap perjuangan mereka.¹⁰

Dalam majalah Dabiq, seruan untuk syahid digambarkan seolah-olah kemuncak kehidupan seorang Muslim. Mereka menyajikan kisah-kisah pejuang yang meninggal dunia dalam serangan bunuh diri sebagai contoh syahid yang dijanjikan syurga, dan mempersembahkan kematian itu dengan gaya naratif yang penuh kemuliaan.

Contoh jelas manipulasi ini dapat dilihat dalam ayat propaganda mereka:

“If Allah SWT were to decree for you to enter the city that my words and feeling live in, you would find my picture hung up on its walls and columns and beneath my picture written ‘Wanted-Dying or Dead’”.¹¹

Ia boleh difahami sebagai satu ungkapan simbolik dan emosional yang menggambarkan kesungguhan dan keghairahan si penulis (dalam konteks ini, Abu Dujanah al-Khurasani) untuk berjihad hingga mati. Ini adalah eksploitasi emosi dan keagamaan yang berbahaya, lebih-lebih lagi apabila disasarkan kepada remaja atau individu yang terdedah kepada pencarian identiti.

Seruan syahid dalam konteks sebenar menekankan niat yang ikhlas dan syarat-syarat tertentu seperti berperang untuk mempertahankan agama, tanah air, atau menentang kezaliman. Namun, golongan pelampau menghapuskan konteks ini, dan menganggap mana-mana perjuangan bersama kumpulan mereka sebagai layak menerima gelaran syahid, termasuk dalam tindakan ekstrem seperti pengeboman bunuh diri. Naratif ini bukan sahaja menyimpang daripada pandangan arus perdana Islam, malah menolak elemen utama dalam konsep syahid. Maka jelas bahawa hadis-hadis berkaitan syahid yang

⁸ n.a. 2014. “Foreword; Remaining and Expanding bi Izni Allah”. Dabiq. (5). November. p. 3.

⁹ Al-Bukhārī. 2001. Op.cit. Bāb al-Kāfirī Yaqtulu al-Muṣlimā, ṭhumā Yuṣlimu, Fayusadidu Baʿdu wa Yuqṭalu. p.24. #2826.

¹⁰ n.a. 2015. “Islamic State Report; The Capture of the 4th Regiment Base in Wilayat Shamal Baghdad”. Dabiq. (9). May. p. 30.

¹¹ n.a. 2014. “Hijrah From Hypocrisy to Sincerity; Inspirational Words from a Shahid”. Dabiq. (3). September. p. 28.

sepatutnya difahami dalam konteks keadilan dan pembelaan, telah dieksploitasi secara selektif demi agenda ideologi yang bersifat ekstrem.

Konsep ghanimah atau harta rampasan perang merupakan salah satu topik yang turut dimanipulasi oleh golongan pelampau untuk mengabsahkan serangan bersenjata mereka terhadap musuh yang dianggap kafir. Berdasarkan analisis terhadap Dabiq edisi ke-6, terdapat dua hadis daripada Ṣaḥīḥ al-Bukhārī yang sering dijadikan sandaran untuk memperkukuh hujah berkaitan ganjaran rampasan perang dalam jihad. Salah satu hadis yang digunakan ialah daripada Abu Hurairah r.a berkata:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: ((مَثَلُ الْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَنْ يُجَاهِدُ فِي سَبِيلِهِ، كَمَثَلِ الصَّائِمِ الْقَائِمِ، وَتَوَكَّلَ اللَّهُ لِلْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِهِ، إِنْ تَوَفَّاهُ أَنْ يُدْخِلَهُ الْجَنَّةَ، أَوْ رَدَّهُ سَالِمًا أَجْرًا أَوْ غَنِيمَةً)).¹²

Terjemahan: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Perumpamaan seorang mujahid di jalan Allah, dan hanya Allah yang paling tahu siapa yang berjihad di jalan-Nya, seperti seorang yang melaksanakan puasa dan solat terus menerus. Dan Allah berjanji kepada mujahid di jalan-Nya, dimana bila Dia mewafatkannya maka akan dimasukkannya ke syurga atau bila Dia mengembalikannya dalam keadaan selamat dia akan pulang dengan membawa pahala atau *ghanimah* (harta rampasan perang) ".

Hadis ini menjelaskan keutamaan mujahid yang berjuang ikhlas kerana Allah, di mana ganjarannya adalah sama ada syurga jika syahid atau pulang dengan pahala dan ghanimah. Namun, dalam konteks pelampau, hadis ini ditafsirkan secara literal tanpa mengambil kira syarat-syarat jihad sebenar. Mereka menganggap rampasan senjata, peluru dan kenderaan daripada serangan mereka terhadap tentera musuh sebagai ghanimah yang halal.¹³ Contohnya ialah serangan ke atas 4th Regiment Base di Wilayah Shamal Baghdad, di mana mereka mendakwa memperoleh pelbagai kelengkapan tentera sebagai ghanimah yang diberkati.¹⁴

Pemahaman seperti ini menolak prinsip-prinsip utama jihad dalam Islam yang meletakkan keabsahan jihad bergantung kepada keadilan tujuan, keizinan pemerintah yang sah, dan pemeliharaan nyawa bukan kombatan. Dengan menyingkirkan konteks hukum dan maqasid syariah, pelampau menyamakan jihad mereka dengan jihad para sahabat, dan menjadikan hasil serangan bersenjata sebagai ganjaran yang sah di sisi agama.

Pandangan Ulama Hadis Terhadap Penyelewengan Hadis

Hadis-hadis berkaitan jihad sering disalah tafsir oleh golongan pelampau untuk menghalalkan tindakan keganasan mereka. Namun, makna sebenar jihad dalam Islam jauh lebih kompleks dan memerlukan pemahaman yang mendalam, berlandaskan niat yang tulus serta konteks yang sah. berdasarkan dua hadis yang dipetik oleh golongan ini untuk menyokong agenda mereka:

عَنْ أَبِي مُوسَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: الرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِلْمَعْنَمِ، وَالرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِلدِّكْرِ، وَالرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِيُرَى مَكَائِهِ، فَمَنْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ قَالَ: ((مَنْ قَاتَلَ لِيَكُونَ كَلِمَةً اللَّهُ هِيَ الْعُلْيَا فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ)).¹⁵

Terjemahan: Daripada Abu Musa r.a berkata; Datang seorang laki-laki kepada Nabi SAW lalu berkata: "Seseorang berperang untuk mendapatkan *ghanimah*, seseorang yang lain agar menjadi terkenal dan seseorang yang lain lagi untuk dilihat kedudukannya, manakah yang disebut *fii sabilillah*?" Maka

¹² Al-Bukhārī. 2001. Op.cit. Bāb aḥḍalu al-Nāṣi Mūminuⁿ Mujāhiduⁿ bi Nafsihi wa Mālihi fī Sabīli Āllahi. p.15. #2787.

¹³ Abu Hamzah al-Muhajir. 2014. "Advice for The Soldiers of The Islamic State". Dabiq. (6). December.

¹⁴ n.a. 2015. "Islamic State Report; The Capture of the 4th Regiment Base in Wilayah Shamal Baghdad". Dabiq. (9). May. p. 29.

¹⁵ Al-Bukhārī. 2001. Op.cit. Bāb Maⁿ Qātala litakūna Kalima^tu Āllahi Hī al-‘Ulyā. Juz’ 9: p.20. #2810.

Baginda bersabda: “Siapa yang berperang untuk meninggikan kalimat Allah dialah yang disebut *fii sabilillah*”.

Hadis ini digunakan oleh golongan pelampau bagi menjustifikasikan seruan jihad bersenjata dengan alasan meninggikan kalimah Allah SWT. Mereka menekankan bahawa tindakan mengangkat senjata adalah satu-satunya cara untuk menzahirkan keunggulan agama Islam. Namun demikian, kefahaman sedemikian adalah selektif dan bertentangan dengan penafsiran para ulama muktabar.

Menurut al-Imam al-Nawawī, hadis ini memberi penekanan kepada kepentingan niat dalam amalan, termasuk jihad. Keutamaan diberikan kepada mereka yang berperang semata-mata untuk menjadikan kalimah Allah SWT sebagai yang tertinggi, bukan kerana ganjaran duniawi, kemasyhuran atau pengaruh. Penegasan ini turut disokong oleh al-Imam Ibn Hajar yang mentafsirkan frasa kalimatullah sebagai dakwah kepada Islam, bukan semata-mata bermaksud peperangan fizikal.¹⁶

Selanjutnya, Syeikh Muhammad al-Amin al-Alawi al-Harari menjelaskan bahawa hadis ini menegaskan keikhlasan sebagai prasyarat jihad yang sah. Jihad yang diterima di sisi Allah SWT adalah jihad yang bersih daripada syirik dan riya’, dilaksanakan dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT semata-mata.¹⁷

Oleh itu, dakwaan golongan pelampau bahawa hadis ini mendukung seruan jihad bersenjata secara mutlak adalah tertolak. Seruan untuk meninggikan kalimah Allah SWT tidak terbatas kepada konteks peperangan sahaja, bahkan boleh dicapai melalui dakwah, pendidikan, penulisan dan usaha reformasi sosial, selagi mana tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip syariat.

Selain itu, hadis kedua yang turut disalahgunakan berkenaan seorang lelaki yang kelihatan berjihad dengan penuh keberanian tetapi akhirnya membunuh dirinya kerana cedera parah dalam peperangan:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ التَّقَى هُوَ وَالْمُشْرِكُونَ فَاقْتَتَلُوا، فَلَمَّا مَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِلَى عَسْكَرِهِ، وَمَالَ الْآخَرُونَ إِلَى عَسْكَرِهِمْ، وَفِي أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ رَجُلٌ لَا يَدْعُ لَهُمْ شَاذَةً وَلَا فَاذَةً إِلَّا اتَّبَعَهَا يَضْرِبُهَا بِسَيْفِهِ، فَقَالَ مَا أَجْزَأُ مِنَّا الْيَوْمَ أَحَدٌ كَمَا أَجْزَأُ فُلَانٌ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((أَمَّا إِنَّهُ مِنْ أَهْلِ النَّارِ)). فَقَالَ رَجُلٌ مِنَ الْقَوْمِ: أَنَا صَاحِبُهُ. قَالَ فَخَرَجَ مَعَهُ كُلَّمَا وَقَفَ وَقَفَ مَعَهُ، وَإِذَا أَسْرَعَ أَسْرَعَ مَعَهُ قَالَ فَجَرِحَ الرَّجُلَ جُرْحًا شَدِيدًا، فَاسْتَعْجَلَ الْمَوْتُ، فَوَضَعَ نَصْلَ سَيْفِهِ بِالْأَرْضِ وَدُبَابُهُ بَيْنَ ثَدْيَيْهِ، ثُمَّ تَحَامَلَ عَلَى سَيْفِهِ، فَقَتَلَ نَفْسَهُ، فَخَرَجَ الرَّجُلُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فَقَالَ: أَشْهَدُ أَنَّكَ رَسُولُ اللَّهِ. قَالَ: ((وَمَا ذَاكَ)). قَالَ: الرَّجُلُ الَّذِي ذَكَرْتَ أَنِّي أَنَا مِنْ أَهْلِ النَّارِ، فَأَعْظَمَ النَّاسُ ذَلِكَ. فَقُلْتُ أَنَا لَكُمْ بِهِ. فَخَرَجْتُ فِي طَلَبِهِ، ثُمَّ جَرِحَ جُرْحًا شَدِيدًا، فَاسْتَعْجَلَ الْمَوْتُ، فَوَضَعَ نَصْلَ سَيْفِهِ فِي الْأَرْضِ وَدُبَابُهُ بَيْنَ ثَدْيَيْهِ، ثُمَّ تَحَامَلَ عَلَيْهِ، فَقَتَلَ نَفْسَهُ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: عِنْدَ ذَلِكَ ((إِنَّ الرَّجُلَ لَيَعْمَلُ عَمَلَ أَهْلِ الْجَنَّةِ فِيمَا يَبْدُو لِلنَّاسِ، وَهُوَ مِنْ أَهْلِ النَّارِ، وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَعْمَلُ عَمَلَ أَهْلِ النَّارِ فِيمَا يَبْدُو لِلنَّاسِ، وَهُوَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ)).¹⁸

Terjemahan: Bahawa Rasulullah SAW dan orang-orang musyrik saling berhadapan dan mula berperang. Apabila Rasulullah SAW kembali ke perkhemahannya dan apabila orang-orang musyrik kembali ke perkhemahan mereka, seseorang bercakap tentang seorang lelaki di antara para sahabat Rasulullah SAW yang akan mengikut dan membunuh dengan pedangnya mana-mana orang kafir yang pergi sendirian. Dia berkata, “Tiada seorang pun yang melakukan tugasnya (iaitu berperang) dengan

¹⁶ An-Nawawi, Abū Zakarīā Mhyī al-Dīn Yaḥyay. 1972. *Al-Minhāj Sharah Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hujāj*. p. 49.

¹⁷ Al-‘Alawī al-Harary, Muḥamād al-Amīn. 2009. *Sharah Ṣaḥīḥ Muslim (Al-Musamāy: al-Kawkab al-Wahāj wāl-rāwdu al-Bahāj fi Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hujāj)*. Dār al-Minhāj-Dār Ṭawqī al-Najāf. p. 244.

¹⁸ Al-Bukhārī. 2001. *Op.cit. Bāb Lā Yaqūlu Fulānu Ṣaḥīdu*. p.37. #2898.

betul hari ini seperti lelaki itu”. Rasulullah SAW bersabda, “Sesungguhnya dia termasuk ahli neraka”. Seorang lelaki di antara orang ramai berkata, “Saya akan menemaninya (untuk melihat apa yang dia lakukan)” Maka dia menemaninya, dan ke mana sahaja dia berdiri, dia akan berdiri bersamanya, dan ke mana sahaja dia berlari, dia akan berlari bersamanya. Kemudian lelaki (berani) itu cedera parah dan dia memutuskan untuk membawa kematiannya dengan cepat. Dia menanam bilah pedang di tanah menghalakan hujung tajam ke arah dadanya di antara dua buah dadanya. Kemudian dia bersandar pada pedang dan membunuh dirinya sendiri. Lelaki yang lain datang kepada Rasulullah SAW dan berkata, “Saya bersaksi bahawa kamu adalah Rasul Allah SAW”. Nabi SAW bertanya, “Apa yang telah terjadi?” Dia menjawab, “(Tentang) orang yang kamu sifatkan sebagai ahli neraka. Orang-orang itu sangat terkejut dengan apa yang kamu katakan itu, lalu aku berkata, “Aku akan mengetahui hakikatnya bagi kamu”. Jadi, saya keluar mencari dia. Dia cedera parah, dan tergesa-gesa mati dengan menyerongkan bilah pedangnya ke tanah menghalakan hujungnya yang tajam ke arah dadanya di antara dua buah dadanya. Kemudian dia meredakan pedangnya dan membunuh dirinya sendiri”. Ketika Rasulullah SAW bersabda, “Seseorang itu di lihat oleh manusia seolah-olah dia beramal dengan amalan ahli syurga sedangkan dia dari ahli neraka) Neraka, orang lain seolah-olah bagi manusia seolah-olah. dia beramal dengan amalan ahli neraka, padahal dia termasuk ahli syurga”.

Golongan pelampau menafsirkan hadis ini sebagai ancaman kepada sesiapa yang mengabaikan jihad, dengan mendakwa bahawa individu sedemikian akan dihumban ke dalam neraka.¹⁹ Namun, konteks sebenar hadis ini adalah berkaitan dengan niat dan pengakhiran seseorang hamba. Lelaki dalam hadis tersebut membunuh diri akibat cedera, dan Nabi SAW mengisytiharkannya sebagai ahli neraka kerana tindakannya itu.

Menurut Qadi Iyad, hadis ini menunjukkan bahawa penilaian amalan seseorang tidak semata-mata berdasarkan zahir tetapi kepada pengakhiran hidupnya.²⁰ Al-Imam Ibn Hajar pula menegaskan bahawa pengiktirafan terhadap status syahid seseorang dalam peperangan hanya boleh dibuat jika jihad tersebut dilakukan dengan niat yang benar. Sekiranya dorongan emosi atau kebangsaan menjadi motif, maka status tersebut tidak layak disandarkan kepadanya, meskipun dari sudut zahir dia tetap dihukum sebagai syahid berdasarkan ketentuan fiqh.²¹

Al-Imam al-Qastalani juga menyentuh isu status lelaki tersebut yang dikatakan oleh Nabi SAW sebagai ahli neraka walaupun zahirnya mukmin. Beliau menjelaskan bahawa kemungkinan besar Nabi SAW mendapat wahyu tentang ketidakikhlasan lelaki itu atau status murtadnya.²² Pandangan ini turut disokong oleh al-Imam al-Qurtubi seperti dinukilkan oleh Syeikh al-Harari, bahawa lelaki tersebut sendiri mengakui bahawa motifnya berperang adalah kerana maruah kaumnya, bukan semata-mata kerana Allah SWT.²³

Jelas daripada kupasan ulama dan ilmuan berkaitan dengan hadis yang membicarakan tentang perbuatan si fulan yang membunuh diri dalam peperangan bertentangan dengan hujah yang digunakan oleh golongan pelampau bahawa sesiapa yang menolak atau mengabaikan jihad dalam memerangi musuh akan mendapat siksaan daripada Allah SWT iaitu dengan siksaan neraka. Sedangkan hadis yang digunakan oleh golongan pelampau ini membahaskan tentang si fulan yang berjihad bukan kerana Allah SWT semata tetapi terdapat unsur lain yang membawanya kepada siksaan neraka.

¹⁹ n.a. 2015. “Irja’ The Most Dangerous Bid’ah (And Its Effect on The Jihad in Sham). Dabiq. (8). March. p. 51.

²⁰ Al-Qāḍiy ‘Īḍ, ‘Īḍ bin Mūsāy. 1998. *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim li al-Qāḍiy ‘Īḍ al-Musamāy Aḥkām al-Mu’lim bifawāyid Muslim*. p. 395.

²¹ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, Aḥmad. 1959. *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. p. 90.

²² Al-Qastalani, Aḥmad. 1905. *Irshādu al-Sāfir li Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Miṣr: Al-Miṭba‘at al-Kubray al-Aāmīrīāt. p. 93.

²³ Al-‘Alawīy al-Harary, Muḥamād al-Amīn. 2009. *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim (Al-Musamāy: al-Kawkab al-Wahāaj wāl-rāwdu al-Bahāaj fi Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥujāj)*. p. 175

Selain itu, dalam analisis terhadap naratif seruan jihad yang sering digunakan oleh golongan pelampau, didapati bahawa hadis di bawah dijadikan sandaran utama mereka dalam menyeru orang ramai untuk berjihad.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: ((يُضْحِكُ اللَّهُ إِلَى رَجُلَيْنِ يَفْتُلُ أَحَدُهُمَا الْآخَرَ يَدْخُلَانِ الْجَنَّةَ، يُفَاتِلُ هَذَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيُقْتَلُ، ثُمَّ يَتُوبُ اللَّهُ عَلَى الْقَاتِلِ فَيَسْتَشْهَدُ)).²⁴

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Allah menyambut 2 orang lelaki dengan senyuman; salah seorang membunuh yang lain dan kedua-duanya masuk syurga. Seorang berperang di jalan Allah dan terbunuh. Kemudian Allah mengampuni pembunuh yang juga mati syahid (di jalan Allah)”.

Golongan pelampau menafsirkan hadis ini sebagai justifikasi bahawa individu bukan Islam yang pernah membunuh umat Islam, tetapi kemudian memeluk Islam dan menyertai kumpulan mereka, akan diampunkan dan memperoleh darjat syahid. Menurut mereka, kematian di medan perang menjadi bukti pembersihan dosa masa lalu, sekaligus menunjukkan penghormatan istimewa kepada perjuangan mereka.²⁵

Namun, pemahaman ini bercanggah dengan penjelasan para ulama. Hadis tersebut secara zahir membicarakan tentang dua orang lelaki yang saling membunuh antara satu sama lain, tetapi kedua-duanya akhirnya masuk syurga. Yang pertama mati syahid di jalan Allah SWT, manakala yang kedua pembunuhnya bertaubat, memeluk Islam dan akhirnya turut syahid di medan perang.

Al-Imam Ibn Hajar al-Asqalani memetik pandangan al-Imam Ibn ‘Abd al-Barr bahawa pembunuh pertama dalam hadis ini adalah seorang kafir. Ibn Hajar menambah bahawa ini bertepatan dengan kefahaman al-Imam al-Bukhari, namun beliau juga mengakui kemungkinan bahawa pembunuh pertama adalah seorang Muslim yang kemudian bertaubat dan mati syahid. Ini menunjukkan bahawa hadis ini bersifat umum dan tidak khusus kepada orang kafir sahaja.²⁶

Begitu juga, Muhammad al-Athiyubi al-Walawi Muhammad menjelaskan bahawa al-Imam al-Nasaie meriwayatkan hadis yang sama daripada Abu Hurairah r.a dengan lafaz lebih umum:

((إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَعْجَبُ مِنْ رَجُلَيْنِ يَفْتُلُ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ، ثُمَّ يَدْخُلَانِ الْجَنَّةَ))²⁷

Terjemahan: “Sesungguhnya Allah ‘azza wa jalla menyukai apabila terdapat dua orang lelaki, salah seorang membunuh yang lain, kemudian kedua-duanya masuk ke dalam Syurga”. Dalam riwayat lain Baginda bersabda: “Dia tertawa terhadap dua orang lelaki, salah seorang membunuh yang lain, kemudian kedua-duanya masuk ke dalam Syurga”.

Lafaz ini tidak menentukan identiti pembunuh sebagai kafir, sekali gus membuka ruang untuk pemahaman yang lebih luas. Hadis ini menekankan konsep taubat yang diterima Allah SWT serta keikhlasan dalam perjuangan setelah memeluk Islam atau kembali kepada kebenaran, bukan galakan untuk menyertai kumpulan bersenjata tertentu.

Jelas daripada kupasan ulama berkaitan dengan hadis di atas bahawa hadis ini tidak memfokuskan tentang galakan untuk orang kafir memeluk Islam seperti kenyataan golongan pelampau. Hal ini kerana

²⁴ Al-Bukhārī. 2001. Op.cit. Bāb al-Kāfirī Yaqtulu al-Muṣlimā, ṭhumā Yuṣlimu, Fayusadīdu Ba‘du wa Yuqṭalu. p.24. #2826.

²⁵ n.a. 2015. “Harvesting the Sahwah”. Dabiq. Vol. 9. June. p. 30.

²⁶ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, Aḥmad. 1959. Fath al-Bārī Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. p. 40.

²⁷ Al-Nīsāiy, ‘Abū ‘Abd al-Rāḥman Aḥamid bin Shu‘aibī. 1986. Al-Sūnan al-Ṣūghray li Nīsāiyā. Juz’ 6: p. 38. #3165.

hadis ini tidak hanya dikhususkan tentang perbahasan tentang orang kafir yang membunuh muslim semata sahaja tetapi boleh jadi ia ditujukan kepada muslim yang melakukan dosa dan kejahatan seperti membunuh muslim yang lain sebelum dia bertaubat kepada Allah SWT kerana hadis ini bersifat umum.

Dalam analisis terhadap naratif ganjaran rampasan perang bagi mujahidin yang sering digunakan oleh golongan pelampau, didapati bahawa terdapat hadis yang dijadikan sandaran utama bagi menyokong perjuangan bersenjata atas nama jihad. Hadis seperti yang berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: ((مَثَلُ الْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَنْ يُجَاهِدُ فِي سَبِيلِهِ، كَمَثَلِ الصَّائِمِ الْفَائِمِ، وَتَوَكَّلَ اللَّهُ لِلْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِهِ، إِنْ تَوَقَّاهُ أَنْ يُدْخِلَهُ الْجَنَّةَ، أَوْ رَدَّهُ سَالِمًا أَجْرًا أَوْ غَنِيمَةً)).²⁸

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Perumpamaan seorang mujahid di jalan Allah, dan hanya Allah yang paling tahu siapa yang berjihad di jalan-Nya, seperti seorang yang melaksanakan puasa dan solat terus menerus. Dan Allah berjanji kepada mujahid di jalan-Nya, dimana bila Dia mewafatkannya maka akan dimasukkannya ke syurga atau bila Dia mengembalikannya dalam keadaan selamat dia akan pulang dengan membawa pahala atau *ghanimah* (harta rampasan perang)".

Golongan pelampau menggunakan hadis ini sebagai hujah mereka terhadap ganjaran *ghanimah* (rampasan perang) kepada mujahidin yang keluar berjihad, dengan menasihati mujahidin untuk sentiasa ikhlas kepada Allah SWT sama ada dalam perkataan dan perbuatan. Ini kerana Allah SWT tidak menerima sebarang amalan yang dilakukan hambanya melainkan dengan ikhlas dan betul. Bahkan hadis ini menjadi hujah bahawa dengan dengan setiap perkataan dan perbuatan yang ikhlas terletak kejayaan di dunia dan akhirat iaitu ganjaran syurga, pahala dan juga *ghanimah* (rampasan perang) dengan lebih memfokuskan ganjaran yang terakhir iaitu *ghanimah*.²⁹

Secara zahir hadis ini membahaskan tentang perumpamaan orang yang berjihad di jalan Allah SWT seperti mereka yang berpuasa dan solat dan Allah SWT memberi ganjaran syurga kepada mereka yang wafat dalam berjihad di jalan Allah SWT manakala bagi mereka yang hidup Allah SWT memberi ganjaran dalam bentuk pahala dan rampasan perang.

Al-Imam al-Nawawi berpandangan bahawa di dalam hadis ini terdapat kelebihan berjihad kerana solat dan puasa adalah amalan yang paling afdal di sisi Allah SWT. Di umpamakan mujahid seperti orang yang tidak pernah meninggalkan puasa dan solatnya walaupun seketika.³⁰ Al-Imam al-Qastalani menjelaskan bahawa perumpamaan mujahidin *وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَنْ يُجَاهِدُ فِي سَبِيلِهِ*, Allah SWT mengetahui niat mereka sama ada niatnya ikhlas untuk menegakkan kalimah Allah SWT maka dia mujahid di jalan Allah SWT dan jika niatnya kerana hendakkan harta, dunia dan mendapatkan nama maka dia telah menyertakan tujuan dunia dengan berjihad di jalan Allah SWT.³¹

Manakala al-Imam Ibn Hajar berpandangan bahawa keadaan orang yang berpuasa dan solat disamakan dengan keadaan orang yang berjihad di jalan Allah SWT dalam mendapatkan pahala. Kerana yang dimaksudkan dengan orang yang berpuasa dan solat adalah orang yang tidak pernah berhenti beribadah kepada Allah SWT sehingga pahalanya sentiasa dicatat. Demikian pula orang yang berjihad, tidak sesaat pun waktunya disia-siakan tanpa ada pahala. Berdasarkan sabda Nabi SAW *مَعَ أَجْرٍ أَوْ غَنِيمَةٍ* bermaksud pahala yang akan diperolehi tanpa rampasan perang atau bersama rampasan perang. Seakan Nabi SAW tidak menyinggung pahala yang kedua kerana lebih kecil berbanding pahala yang tidak disertai rampasan perang. Selain itu juga, al-Imam Ibn Hajar menukilkan pandangan daripada al-

²⁸ Al-Bukhārī. 2001. Op.cit. Bāb afḍalu al-Nāṣi Mūminuⁿ Mujāhiduⁿ bi Nafsihi wa Mālihi fī Sabīli Āllāhi. p.15. #2787.

²⁹ Abu Hamzah al-Muhajir. 2014. "Advice for The Soldiers of The Islamic State". Dabiq. (6). December. p. 6.

³⁰ An-Nawawi, Abū Zakarīā Mḥy al-Dīn Yaḥyay. 1972. Al-Minhāj Sharah Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hujāj. p. 25.

³¹ Al-Qastalani, Aḥmad. 1905. Irshādu al-Sāfir li Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Miṣr: Al-Miṭba‘a al-Kubray al-Aāmīriyya. p. 35.

Kirmani yang menjelaskan bahawa hadis ini bermaksud seorang mujahid yang memiliki dua kemungkinan samada syahid atau kembali dengan selamat. Bagi mereka yang kembali dengan selamat akan mendapatkan harta rampasan perang atau pahala atau mungkin mendapatkan keduanya sekaligus.³²

Jelas daripada kupasan ulama dan ilmunan berkaitan dengan hadis ini, tidak hanya memfokuskan tentang ganjaran yang diberikan oleh Allah SWT kepada setiap mujahid yang keluar berperang di jalan-Nya dengan ganjaran syurga, pahala atau ghanimah semata, tetapi juga terdapat perbincangan tentang amalan yang afdal iaitu solat dan puasa. Tindakan golongan pelampau mengambil sumber hadis dengan memfokuskan tentang ganjaran ghanimah (rampasan perang) kepada mujahid semata adalah satu kesilapan yang besar.

KESIMPULAN

Penyelewengan hadis mengenai jihad, syahid, dan ganjaran mujahid oleh golongan pelampau adalah satu penyalahgunaan yang serius terhadap ajaran Islam. Golongan ini menggunakan hadis-hadis dalam Kitab al-Jihad wa al-Siyar Sahih al-Bukhari untuk membenarkan tindakan kekerasan dan keganasan, tanpa memahami konteks dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya. Padahal, jihad yang sah hanya dibenarkan dalam mempertahankan agama dan negara Islam, dan bukan sebagai justifikasi untuk keganasan. Begitu juga, syahid tidak bermaksud mati dalam peperangan sembarangan, tetapi hanya bagi mereka yang berjuang dengan niat yang tulus di jalan Allah dalam keadaan yang sah. Ganjaran yang dijanjikan kepada mujahid juga hanya berlaku kepada mereka yang berperang dengan tujuan menegakkan kebenaran, bukan berdasarkan niat yang salah. Pandangan ulama besar seperti al-Imam al-Nawawi, Ibn Hajar al-Asqalani, Qadi Iyad, dan Syeikh Muhammad al-Amin al-Alawi al-Harari menekankan bahawa jihad dan syahid mesti dilakukan dalam kerangka syariat yang sah, dengan niat yang ikhlas untuk agama dan keadilan, dan bukan untuk tujuan keganasan. Maka, segala penyelewengan terhadap hadis-hadis ini yang bertujuan melegitimasi kekerasan adalah salah dan bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam yang sebenar.

³² Ibn Hajar al-‘Asqalanī, Aḥmad. 1959. *Fath al-Bārī Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. pp. 7-8.

RUJUKAN

- Al-‘Alawī al-Harari, Muḥamād al-Āmin bin ‘Abd Allāh. 2009. *Sharah Ṣaḥīḥ Muslim (Al-Musamā: al-Kawkab al-Wahāqj wāl-rāwdu al-Bahāqj fī Sharah Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hujāqj)*. 1st. Dār al-Minhāj-Dār Ṭawqī al-Najāf.
- Al-Aṭḥiwbī Al-Walāwī, Muḥamād bin ‘Alī. 2003. *Sharḥ Sunni al-Nāsāqiy al-Musamāy (Dhakhyra al-‘Uqbay fī Sharḥi al-Mujtabay)*. 1st. Dār āla bi Rūm lil Nāshra wāl Tāwzī‘a.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Isma‘il. 2001. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. 1st. Beirut: Dār Ṭūq al-Najah.
- Al-Qāḍiy ‘Īḍ, ‘Īḍ bin Mūsa. 1998. *Sharah Ṣaḥīḥ Muslim lil al-Qāḍiy ‘Īḍ al-Musamā Ikmal al-Mu‘im bifawāyid Muslim*. 1st. Miṣr: Dār al-Wafā‘i lil Ṭibā‘a.
- Al-Qaṣṭalānī, Aḥmad bin Muḥammad. 1905. *Irshād al-Sāqiriy li Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. 7th. Miṣr: Al-Miṭba‘a al-Kubra al-Āmiriāt.
- An-Nāwawī, Zakarīā Muḥyi al-Dīn Yaḥya bin Sharaf. 1972. *Al-Minhāj Sharah Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hujāqj*. 2nd. Bayrūt: Dār Aḥiyā‘i al-Tūrāth al-‘Arabī
- Badrddin al-‘Ayni, Muḥamād Maḥmūd bin Aḥmad. 2010. *‘Umdat al-Qārīy Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār Aḥiyā‘i al-Tūrāth al-‘Arabī
- Ibn Baṭṭal Abū al-Ḥusni ‘Alī bin Khalfi. 2003. *Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭṭal*. 2nd. Al-Sā‘ūdīāt, Riyāḍ: Maktabat al-Rāshad.
- Ibn Hajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī. 1959. *Fath al-Bārī Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār al-Ma‘rifat.
- Muhd Imran Abd Razak. 2018. Isu-Isu Wanita dalam Fiqh Jihad Kumpulan Ekstremisme Agama: Kajian Terhadap Majalah Dabiq dan Kaitannya di Malaysia. (PHD Thesis). Universiti Malaya.
- n.a. 2014. “Al-Qaidah of Waziristan A Testimony from Within”. Dabiq (6). December.
- n.a. 2015. “From Hypocrisy to Apostasy the Extinction of The Grayzone”. Dabiq (7). February. accessed: 22 May 2023.
- n.a. 2015. “Shariah Alone Will Rule Africa”. Dabiq (8). March. accessed: 22 May 2023.
- n.a. 2015. “They Plots and Allah Plots”. Dabiq (9). May. accessed: 22 May 2023.
- Syafawani Mohd Hashim & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. 2020. “Ancaman Ideologi Keganasan: Faktor-Faktor Penglibatan Masyarakat Malaysia Dalam Kumpulan DAESH”. *Journal of Islamic and Humanities*. Vol. 23. (1): August.
- Wajidi Sayadi, Elmansyah, Zaenuddin Prasajo & Ahmad Muaffaq. 2020. “Theology of Jihad Based on The Hadith Ṣaḥīḥ al-Bukhārī’s Perspective”. *HTS Teologiese Studies / Theological Studies*. Vol. 76. (4). November.